

# BH padat maklumat miliki ramai pengikut sejak 1957

1 Julai adalah tarikh keramat bagi *Berita Harian* atau *BH* yang mula diterbitkan pada tahun 1957. Seiring dengan kemerdekaan yang akan di sambut Ogos nanti, akhbar bahasa Melayu ini turut menyambut kelahirannya yang ke-57. *BH* adalah antara media massa yang mampu menyampaikan mesej dan maklumat kepada masyarakat dengan berkesan.

Keberkesanan *BH* dalam menyampaikan maklumat dapat dilihat melalui berita yang disajikan setiap hari yang mampu menarik ramai pembaca sama ada melalui pencetakan mahupun media digital.

Merujuk kepada *BH* pada Selasa lalu, melalui media digital, dalam perangkaan *BH online* mempunyai tujuh juta pelawat dan lebih 2.5 juta pelawat unit. *BH* juga mempunyai 1.7 juta pengikut Facebook, 752,000 pengikut Twitter dan 13,168 pengikut Instagram. Pasti ada yang

## FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: [bhforum@bh.com.my](mailto:bhforum@bh.com.my).

tertanya-tanya kenapa terlalu ramai pengikut *BH*? Ini berikutan, *BH* mempelbagaikan ruangan bacaan dalam akhbarannya. Sebagai contoh ruangan untuk keluarga, pelajar dan banyak lagi.

### Buka mata masyarakat

Menerusi *BH Bongkar*, *BH* bukan sahaja mampu membuka mata masyarakat malah turut memberi impak kepada pihak berkuasa apabila pelbagai kupasan terhadap sesuatu isu yang mana ramai masyarakat tidak tahu tentang perkara berkenaan. Sebagai contoh penipuan umrah, cermin gelap, status halal ayam dan banyak lagi. Selain masyarakat dan pihak berkuasa, *BH Bongkar* mendapat sambutan media arus perdana lain seperti televisyen dan radio.

Dalam pada itu, *BH* menyediakan kolum untuk kolumnis atau dikenali sebagai pemikir, menulis perkara yang berkaitan dengan penyelidikan yang telah di buat. Melalui kolum berkenaan *BH* mampu melahirkan ramai pengkaji untuk berkongsi penyelidikan yang telah mereka buat. Menerusi kolum itu juga masyarakat dapat memperoleh

pelbagai maklumat tentang isu-isu yang di ketengahkan. *BH* turut memberi peluang kepada pembaca untuk berkongsi pandangan berhubung dengan isu semasa yang diketengahkan.

### Tarik pelajar sekolah, IPT sebagai pembaca

Selain itu, *BH* juga dapat menarik ramai pelajar dari sekolah rendah sehingga penuntut universiti sebagai pembacanya kerana *BH* menyediakan banyak ruangan untuk pendidikan khusus untuk proses pengajaran dan pembelajaran. Sebagai contoh sisipan *Didik*, *Minda*, *Skor* dan *Varsiti*.

Melalui ruangan itu pelajar yang bakal menduduki PMR dan SPM boleh membuat ulang kaji dengan membaca nota dan membuat latihan yang disediakan oleh *BH*. Penuntut universiti pula boleh berkongsi aktiviti yang dijalankan di universiti masing-masing untuk disiarkan

dalam *BH*.

Seperti yang kita ketahui, Anugerah Bintang Popular *BH-ABPBH* telah dianjurkan oleh *BH* pada setiap tahun sejak 1987. Melalui penganjuran ini, *BH* dapat memajukan dan memantapkan industri hiburan tanah air kita. Bukan sahaja itu, malah penganjurannya dapat menaikkan nama seseorang artis mengekalkan jangka hayat dan prestasi seseorang dalam dunia hiburan.

Dapatlah disimpulkan bahawa *BH* adalah satu medium penyebaran maklumat yang terunggul dengan slogannya 'biar rupa berubah, misi kami tetap sama'. Dengan ucapan selamat menyambut ulang tahun yang ke-57 buat *BH* semoga semakin maju dan terus berjaya pada era teknologi yang semakin berkembang pada masa kini.

**Nurfaizah Abdul Rahman,**  
Universiti Sains Islam Malaysia